

15/05/1997

Dr Mahathir, isteri ucap takziah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan takziah kepada seluruh anggota keluarga Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani yang meninggal dunia di Hospital Tawakkal setelah diserang angin ahmar, hari ini.

Perdana Menteri menziarahi jenazah Allahyarham di hospital itu sebaik mendengar berita kematian Allahyarham dan berada di sana lebih sejam sehingga jenazah diusung keluar untuk dibawa ke kampungnya, Melekek, Melaka.

Jenazah dibawa menaiki sebuah van polis pada jam 6.30 petang dengan diiringi beberapa anggota polis bermotosikal.

Turut berada di Hospital Tawakkal ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba; Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi; dan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Dr Mahathir menziarah Mohd Zin pada hari pertama beliau dimasukkan ke hospital Ahad lalu dan tengah hari semalam.

Sementara itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang turut mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham, menyifatkan prestasi Mohd Zin sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Ketua Menteri Melaka amat membanggakan kerajaan dan rakyat.

"Kita terima berita (kematian) Allahyarham dengan sedih dan mendoakan semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di SRJK (Cina) San Min, di Teluk Intan, Perak.

Anwar dan Dr Wan Azizah melawat Mohd Zin di hospital itu malam tadi sekembalinya dari Fukuoka, Jepun kerana menghadiri mesyuarat Bank Pembangunan Asia (ADB).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad, yang berada di sisi Allahyarham ketika menghembuskan nafas terakhir, amat terharu dengan pemergian Mohd Zin.

"Inilah kali pertama saya melihat seseorang meninggal dunia di depan mata saya," katanya sambil mengingati mesin ECG yang menunjukkan denyutan nadi Ketua Menteri Melaka yang tiba-tiba terhenti pada 4.05 petang.

Di Dewan Negara, Senator Datuk Ibrahim Ali mengemukakan usul menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham serta mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah.

"Ahli Dewan Negara turut bersedih atas pemergian seorang tokoh dan pemimpin yang berwibawa, bersih dan amat disegani oleh kawan dan lawan sebagai Ketua Menteri Melaka," katanya.

Di Dewan Rakyat, ahli dari Yan, Datuk Badruddin Amiruldin, yang bangun untuk menyertai perbahasan rang undang-undang mengenai tabung pendidikan, meminta anggota lain membacakan "Al-Fatihah" untuk Allahyarham.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang pula menyifatkan kematian Mohd Zin sebagai kehilangan kepada negeri Melaka.

(END)